

05/11/2001

Asean setuju perkukuh kerjasama perangi keganasan

Lichong Angkui

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad - Pemimpin dan ketua-ketua kerajaan Asean bersetuju memperkukuhkan kerjasama dua hala, serantau dan antarabangsa untuk memerangi keganasan secara komprehensif, sambil menegaskan perlunya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memainkan fungsi utama.

Persetujuan itu terkandung dalam Deklarasi Asean 2001 Mengenai Tindakan Bersama Menangani Keganasan yang diperakukan pemimpin dan ketua-ketua kerajaan Asean pada majlis jamuan malam ini sempena Sidang Kemuncak Asean ke-7 di sini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar menghadiri jamuan itu.

Deklarasi tiga halaman itu menggariskan sembilan tindakan penting yang akan diambil secara bersama, tetapi secara tegas menolak sebarang percubaan untuk mengaitkan keganasan dengan mana-mana agama atau bangsa.

Sambil menyatakan komitmen terus memperkukuh mekanisme untuk menangani keganasan, pemimpin dan ketua-ketua kerajaan Asean percaya keganasan akan menjadi cabaran langsung kepada keamanan, kemajuan dan kemakmuran Asean dan pencapaian Wawasan Asean 2020.

Deklarasi itu juga secara tegas mengutuk serangan penganas keatas New York dan Washington pada 11 September lalu dan menyifatkannya sebagai serangan tidak berperikemanusiaan dan serangan kepada semua.

Berikutan itu, ia menyatakan rasa simpati dan mengucapkan takziah kepada Kerajaan Amerika Syarikat serta keluarga mangsa serangan itu di seluruh dunia.

Deklarasi itu turut mengalu-alukan tawaran Malaysia untuk menjadi tuan rumah Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Asean Mengenai Jenayah Merentasi Sempadan (AMMTC) mengenai isu keganasan pada April 2002.

Mesyuarat itu dianggap amat penting bagi Asean selaras saranan PBB agar diperkukuhkan penyelarasan pada peringkat nasional, rantau dan antarabangsa dalam menghadapi ancaman keselamatan.

Bagi memperkukuhkan usaha Asean menangani keganasan, menteri-menteri berkaitan diminta mengambil tindakan susulan, antaranya:-

- * Meningkatkan kerjasama di kalangan agensi penguat kuasa undang-undang menangani keganasan dan berkongsi amalan terbaik;

- * Mengkaji konvensyen antarabangsa berkaitan keganasan dengan tujuan mengintegrasikannya dengan mekanisme Asean menangani keganasan antarabangsa;

- * Memperkukuh pertukaran maklumat/perisikan untuk memudahkan aliran maklumat, terutama mengenai penganas dan kumpulan penganas, pergerakan mereka dan pembiayaan, serta maklumat lain yang diperlukan untuk melindungi nyawa, harta dan keselamatan semua jenis perjalanan;

- * Memperkukuh kerjasama dan penyelarasan sedia ada di antara AMMTC dengan organisasi lain Asean dalam menyekat dan mencegah semua jenis tindakan keganasan. Tumpuan utama perlu diberikan kepada usaha mencari jalan bagaimana memerangi pertubuhan penganas, kemudahan sokongan dan pembiayaan serta mengheret mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan; dan

- * Membincang dan mencari idea lebih praktikal serta inisiatif untuk meningkatkan fungsi Asean pada peringkat antarabangsa, termasuk dengan rakan antara wilayah dalam rangka kerja sedia ada seperti Asean Campur 3 (Asean + 3), Rakan Dialog Asean dan Forum Serantau Asean (ARF), untuk menentukan usaha memerangi keganasan sebagai tindakan global.

Deklarasi itu bagaimanapun tidak menyebut langsung mengenai saranan supaya dihentikan serangan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Afghanistan, yang dikatakan bertujuan memburu pengganas.

Ia juga tidak mengemukakan saranan bagi menganjurkan konvensyen antarabangsa di bawah naungan PBB untuk membincang isu keganasan.

Sementara itu, Syed Hamid pada sidang akhbaranya kepada media Malaysia petang ini berkata, soal penganjuran konvensyen antarabangsa tidak disebutkan dalam deklarasi itu kerana ia tidak mendapat persetujuan konsensus.

Tanpa menyebut negara yang tidak menyetujui idea Malaysia itu, beliau berkata Malaysia tetap dengan pendirian mahu ia diadakan sebagai satu penyelesaian terbaik.

(END)